



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

**KHAMIS, 15 FEBRUARI 2024**

**LAPORAN HARIAN**





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

15/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>JKM GERAK PEGAWAI BERI SOKONGAN PSIKOLOGI KEPADA KELUARGA MANGSA PESAWAT TERHEMPAS</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1212379/jkm-gerak-pegawai-beri-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1212379/jkm-gerak-pegawai-beri-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.wilayahku.com.my/pesawat-terhempas-jkm-atur-gerak-pegawai-beri-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa/">https://www.wilayahku.com.my/pesawat-terhempas-jkm-atur-gerak-pegawai-beri-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa/</a>	WILAYAHKU.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-atur-gerak-pegawai-beri-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa/">https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-atur-gerak-pegawai-beri-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://selangorkini.my/2024/02/nahas-pesawat-pegawai-jkm-beri-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa/">https://selangorkini.my/2024/02/nahas-pesawat-pegawai-jkm-beri-sokongan-psikologi-kepada-keluarga-mangsa/</a>	SELANGORKINI.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=oqtk2hDfL9Q">https://www.youtube.com/watch?v=oqtk2hDfL9Q</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060653/pesawat-terhempas-jkm-atur-gerak-pegawai-beri-sokongan-psikologi-kepada">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060653/pesawat-terhempas-jkm-atur-gerak-pegawai-beri-sokongan-psikologi-kepada</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/696148">https://www.malaysiakini.com/news/696148</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/14/kapar-plane-crash-social-welfare-dept-mobilises-psychological-support-for-next-of-kin/117956">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/14/kapar-plane-crash-social-welfare-dept-mobilises-psychological-support-for-next-of-kin/117956</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/aircraft-crash-jkm-mobilises-psychological-support-next-kin-458191">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/aircraft-crash-jkm-mobilises-psychological-support-next-kin-458191</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2024 DIADAKAN DI SPCC - NANCY</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2270173">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2270173</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/649483/berita/nasional/sambutan-hari-wanita-antarabangsa-2024-di-spcc">https://www.sinarharian.com.my/article/649483/berita/nasional/sambutan-hari-wanita-antarabangsa-2024-di-spcc</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2270202">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2270202</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.wilayahku.com.my/sambutan-hari-wanita-antarabangsa-2024-diadakan-di-spcc/">https://www.wilayahku.com.my/sambutan-hari-wanita-antarabangsa-2024-diadakan-di-spcc/</a>	WILAYAHKU.COM.MY
	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/700864">https://theedgemalaysia.com/node/700864</a>	THEEDGEMALAYSIA.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1013227/2024-intl-womens-day-celebration-be-held-spcc">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1013227/2024-intl-womens-day-celebration-be-held-spcc</a>	NST.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t @ kpwkm

15/2/2024

<https://wargabiz.com.my/2024/02/14/pm-anwar-ibrahim-is-set-to-officiate-womens-day-celebration-this-year/>

WARGABIZ.COM.MY

<https://suarasarawak.my/wanita-dijulang-negara-gemilang-raikan-kaum-hawa-pada-8-mac-depan/>

SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
-----	---------	--------

3	<b>MALANG TIDAK BERBAU... NORAINI SANTUNI MANGSA KEBAKARAN FLAT SRI SABAH</b>	
---	---	--

<https://umno-online.my/2024/02/14/malang-tidak-berbau-noraini-santuni-mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah/>

UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
-----	---------	--------

4	<b>JKM CARI WARIS MARYAM ALISSA</b>	
---	-------------------------------------	--

<https://malaysiagazette.com/2024/02/14/jkm-cari-waris-maryam-alissa/>

MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
-----	---------	--------

5	<b>287 PROGRAM, 12 PROJEK SOKONGAN MEMPERTINGKATKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI</b>	
---	--	--

<https://www.tvsarawak.my/2024/02/14/287-program-12-projek-sokongan-mempertingkatkan-kesejahteraan-komuniti/>

TVSARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
-----	---------	--------

6	<b>SUSPEK INTIP WANITA GUNA KAMERA TERSEMBUNYI BEBAS DENGAN JAMINAN POLIS</b>	
---	---	--

<https://malaysiagazette.com/2024/02/14/suspek-intip-wanita-guna-kamera-tersembunyi-bebas-dengan-jaminan-polis/>

MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

15/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>KANAK-KANAK KELUAR KEPALA MENERUSI 'SUNROOF', POLIS PANGGIL PEMILIK KERETA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060805/kanak-kanak-keluar-kepala-menerusi-sunroof-polis-panggil-pemilik-kereta">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060805/kanak-kanak-keluar-kepala-menerusi-sunroof-polis-panggil-pemilik-kereta</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-keluar-kepala-melalui-sunroof-polis-panggil-pemilik-kereta-JK12099880">https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-keluar-kepala-melalui-sunroof-polis-panggil-pemilik-kereta-JK12099880</a>	THESUN.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/14/polis-siasat-budak-keluar-kepala-di-sunroof-pemandu-langgar-lampu-isyarat/">https://malaysiagazette.com/2024/02/14/polis-siasat-budak-keluar-kepala-di-sunroof-pemandu-langgar-lampu-isyarat/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2270302">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2270302</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>REMAJA ROGOL TEMAN WANITA BAWAH TANGGA DIPERINTAH KE SEKOLAH HENDRY GURNEY</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/remaja-rogol-teman-wanita-bawah-tangga-diperintah-kesekolah-hendry-gurney/">https://suarasarawak.my/remaja-rogol-teman-wanita-bawah-tangga-diperintah-kesekolah-hendry-gurney/</a>	SUARASARAWAK.MY



## JKM gerak pegawai beri sokongan psikologi kepada keluarga mangsa pesawat terhempas

Februari 14, 2024 @ 1:32pm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pegawai JKM bertindak segera untuk memberikan perkhidmatan sebaik saja mengetahui mengenai insiden pesawat ringan terhempas.

PUTRAJAYA: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengatur gerak pegawai bagi menyantuni dan memberikan sokongan psikologi kepada keluarga mangsa nahas pesawat ringan model BK 160 Gabriel yang terhempas di Kampung Tok Muda di Kapar, Klang, semalam.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pegawai JKM bertindak segera untuk memberikan perkhidmatan sebaik saja mengetahui mengenai insiden berkenaan.

"Kebiasaannya (langkah menyantuni waris) itu kita lakukan. Saya amat berterima kasih dengan semua agensi di bawah kementerian terutama JKM yang sentiasa menyantuni mangsa (dan waris) serta cepat bertindak.

"Kita perlu bersama-sama menghargai perkhidmatan diberikan JKM ini," katanya selepas sesi taklimat media sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 di KPWKM di sini, hari ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan dilapor berkata, proses bedah siasat mangsa nahas pesawat ringan model BK 160 Gabriel dijangka selesai hari ini.

Mengikut manifest (senarai penumpang dan anak kapal) yang didaftarkan, mangsa yang terbunuh ialah juruterbang, Daniel Yee Hsiang Khoon, 30, dan pembantu juruterbang, Roshan Singh Raina, 42.

Kedua-dua mangsa dipercayai terbenam bersama bahagian kokpit pesawat di kawasan ladang kelapa sawit dalam kejadian pada jam 1.45 tengah hari semalam.

Pesawat dikendalikan Air Adventure Flying Club itu berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada jam 1.28 tengah hari untuk penerbangan rekreasi. – BERNAMA

**PESAWAT RINGAN TERHEMPAS DI KAPAR, KLANG**  
SELASA, 13 FEBRUARI 2024

**KRONOLOGI**

- 1.28 tengah hari** Berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor
- 1.38 tengah hari** Hubungan terakut dengan pegawai kawalan trafik udara. Tidak berupaya berlepas kembali ditimpa dari pesawat.
- 1.45 tengah hari** Berawal terdengar panggilan

Pesawat Rendahland Melayutkan Amalan di Kuala Lumpur di Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur diiktirafkan serta merta untuk mengenal pasti lokasi pesawat.

**INFO PESAWAT**

- Model : BK 160 Gabriel
- No. Pendaftaran : J-P00C
- Kendalian : Air Adventure Flying Club

**MAUT**

- Daniel Yee Hsiang Khoon, 30, dan Bushan Singh Raina, 42
- Situasi awal mendarat pesawat mengalami di kawasan ladang kelapa sawit hingga menyebabkan 40 peratus badan pesawat terbenam ke dalam tanah.
- Mayat dibawa ke HTR, Klang.

Situasi lanjut dilaksanakan oleh Sistem Komuniti Udara, Kementerian Pengangkutan dan Agensi Bahagian XXVI Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016.

Datuk Seri Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, berucap kepada media selepas sesi taklimat media sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 di KPWKM di sini, hari ini.

BERNAMA 13 FEB 2024

Kronologi pesawat ringan terhempas di Kapar, Klang.



## SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2024 DIADAKAN DI SPCC - NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

14/02/2024 12:30 PM

PUTRAJAYA, 14 Feb (Bernama) – Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 akan diadakan di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC) di Petaling Jaya, Selangor pada 8 Mac ini bagi menghargai kaum wanita yang merupakan pemangkin kecemerlangan negara selaras aspirasi Malaysia MADANI.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata sambutan bertemakan "Wanita Dijulang, Negara Gemilang" itu akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ia merupakan hari untuk mengiktiraf dan menguar-uarkan kejayaan yang diperoleh golongan wanita di seluruh negara tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi sekali pun politik.

"Pada masa yang sama, untuk kita sama-sama melihat dan menilai pencapaian serta kedudukan wanita dan terus-menerus merencanakan pemeraksanaan wanita yang lebih gemilang untuk masa akan datang," katanya.

Berucap pada sesi taklimat media sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 di sini hari ini, beliau berkata kementeriannya akan memberi tumpuan terhadap beberapa inisiatif penting sempena sambutan itu antaranya peningkatan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Turut diberi tumpuan adalah toleransi sifar keganasan terhadap wanita, peningkatan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi dan penambahbaikan persekitaraan bagi menjamin kesejahteraan wanita.

"Usaha ini perlu diperkasakan seiring agenda mengarusperdanakan kesaksamaan gender supaya saling melengkapi seterusnya akan membuka lebih banyak ruang bagi mencapai inklusiviti untuk wanita," katanya.

Nancy menegaskan peranan bagi agenda pemeraksanaan wanita bukanlah berada di bahu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semata-mata tetapi semua pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri bagi menyokong agenda itu.

"... usaha pewujudan persekitaran kondusif bagi menyokong usaha kerajaan untuk mencapai 60 peratus penyertaan tenaga buruh wanita juga perlu diberikan fokus," katanya.

Beliau menyeru semua lapisan masyarakat untuk turut sama-sama meraikan wanita pada 8 Mac ini dengan memakai pakaian bertemakan warna sambutan iaitu warna ungu.

"Sempena Hari Wanita Antarabangsa, marilah kita sama-sama menjulang wanita demi kegemilangan negara," katanya.



## Malang Tidak Berbau... Noraini Santuni Mangsa Kebakaran Flat Sri Sabah

14 February 2024 [Berita Lain](#) [Berita Utama](#)



KUALA LUMPUR, 14 Feb – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad menyantuni mangsa-mangsa kebakaran yang melibatkan enam buah rumah di Blok 70, Flat Sri Sabah di samping menyampaikan barangan bantuan asas pada pagi Selasa.

Menerusi hantaran di laman Facebooknya, beliau yang juga Ketua Wanita UMNO Malaysia memaklumkan bahawa mangsa-mangsa tersebut telah ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Cheras.



"Malang tidak berbau. Sambutan Tahun Baru Cina yang sepatutnya disambut meriah seisi keluarga bertukar menjadi duka apabila kebakaran berlaku pada malam hari Ahad lalu yang melibatkan enam buah rumah di Blok 70, Flat Sri Sabah, Cheras.

"Pagi ini saya telah turun ke PPS SK Sri Cheras yang menempatkan mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana kebakaran tersebut.

"Lawatan saya turut diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Rosmawati Ishak, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Che Samsuzuki Che Noh dan Ketua Wanita UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Zauyah Zainudin," katanya.

Menurutnya, beliau turut berkesempatan bersama-sama melakukan aktiviti yang dilaksanakan oleh Pegawai Kaunseling JKM dan menyampaikan barangan bantuan asas kepada mangsa-mangsa terlibat.

"PPS SK Sri Cheras yang dibuka pada hari Ahad, jam 11.30 malam menempatkan 13 orang mangsa yang terdiri daripada 3 buah keluarga. Kesemua mangsa merupakan penghuni di tingkat 17, Blok 70, Flat Sri Sabah.

"Saya juga berkesempatan menyantuni mangsa dan bersama-sama melakukan aktiviti yang dilaksanakan oleh pegawai kaunseling JKM disamping menyampaikan bantuan asas seperti toto, tuala, selimut, *refreshment kit*, *hygiene kit* dan makanan *retort*," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung ataupun tidak.



"Pada masa yang sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr. Zaliha Mustafa dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail juga turut membuat lawatan ke PPS ini.

"Terima kasih diucapkan kepada JKM dan agensi-agensi kerajaan yang membantu termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bomba, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bangsar Pudu dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," katanya lagi.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Kuala Lumpur mengesahkan kebakaran yang berlaku di Flat Sri Sabah, pada hujung minggu lalu berpunca daripada masalah pendawaian elektrik yang berlaku di unit tiga di tingkat 17.

Pengarah JBPM Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul berkata, punca kebakaran itu dikenal pasti hasil siasatan oleh bahagian forensik JBPM Kuala Lumpur.

Dalam masa sama, Muhammad Salleh menafikan dakwaan yang dilaporkan kebakaran flat tersebut berpunca daripada bunga api. - [UMNO Online](#)



## JKM cari waris Maryam Alissa

Oleh Reza A Hamid - 14 February 2024



Waris keluarga Maryam Alissa Abdullah, 2, dicari sejak dua tahun lalu.

MELAKA – Sepasang suami isteri sedang mencari waris keluarga kepada kanak-kanak perempuan peliharaan mereka, Maryam Alissa Abdullah, 2, sejak dua tahun lalu.

Pelindung Melaka Tengah, Hannah Litin berkata, kanak-kanak berkenaan dijumpai ketika masih bayi di Taman Mutiara, Batu Berendam, di sini, pada 4 Februari 2022.

Selepas itu, kanak-kanak berkenaan diletakkan di bawah jagaan sementara pasangan berusia 35 tahun itu.

Menurutnya, ketika ditemui, kanak-kanak perempuan itu diletakkan di dalam sebuah bakul pakaian dobi dan telah diselamatkan mengikut peruntukan Seksyen 17(1)(e)(ii) Akta Kanak-kanak 2001.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai ibu atau waris kanak-kanak ini diharap dapat membantu menyalurkan maklumat dengan menghubungi Pelindung Kanak-kanak Daerah Melaka Tengah 06-3333333,” katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Pada 4 Februari tahun lalu, *MalaysiaGazette* melaporkan seorang bayi perempuan dipercayai baru lahir ditemui masih hidup dan mempunyai kesan darah serta masih bertali pusat di hadapan sebuah restoran di Taman Mutiara, Batu Berendam.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendan Raiz Mukhliz Azman Aziz dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan berhubung penemuan bayi tersebut daripada orang awam pada pukul 7 pagi.

Tiada sebarang nota ditinggalkan bersama bayi terbabit yang tidak berpakaian dan hanya beralaskan kain batik di dalam bakul pakaian itu. – *MalaysiaGazette*



Dato Sri Fatimah Abdullah menyerahkan naskah Penyelidikan Profil Kehamilan Remaja di Sarawak 2021 semasa sidang media Mesyuarat Majlis Pembangunan Sosial di Kuching, hari ini. Foto TVS

## 287 program, 12 projek sokongan mempertingkatkan kesejahteraan komuniti

By TVS #bm, Berita Sarawak February 14, 2024

KUCHING, 14 Feb: Sebanyak 287 program dan 12 projek sokongan intervensi Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPSS) 2024 telah dipersetujui untuk dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti di Sarawak.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata input kes-kes dari setiap program itu akan disalurkan ke Sistem Pengurusan Kes Isu Sosial Bersepadu (ISICMS).

"Sistem ini juga telah dibentangkan dalam mesyuarat tadi dan profil seseorang individu itu semuanya berada di dalam satu sistem dan ia boleh diakses oleh agensi berkaitan sahaja.

"Namun, tadi ada juga disuarakan sebanyak mana data individu tersebut dapat dikongsi semasa kita menangani isu atau masalah yang dihadapi oleh individu itu," katanya semasa sidang media sempena Mesyuarat Majlis Pembangunan Sosial di sini, hari ini.

Menurutnya, setiap program tersebut akan melibatkan kolaborasi dan rangkaian strategik ahli-ahli MPSS dari peringkat akar umbi.

Ia bagi menyelaraskan maklumat berkenaan kes isu sosial yang rumit dan kompleks secara bersepadu di Sarawak.

Profil seorang individu dalam sesebuah kes akan berada di satu sistem yang dapat diakses oleh agensi-agensi yang terlibat sahaja.

Pelaksanaan program-program tersebut dianggarkan melibatkan perbelanjaan RM12,467,000. – TVS



# Suspek intip wanita guna kamera tersembunyi bebas dengan jaminan polis

Oleh Malinda Abdul Malik - 14 February 2024



GEORGE TOWN – Seorang lelaki yang sebelum ini ditahan reman kerana mengintip wanita menerusi kamera tersembunyi di dalam bilik air ketika menginap di sebuah inap desa di Jelutong, di sini, telah dibebaskan dengan jaminan polis.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Razlam Ab Hamid berkata, suspek berusia 20-an itu dibebaskan dengan jaminan selepas reman tamat hari ini.


"Kertas siasatan kes itu juga sudah dilengkapkan dan akan dihantar ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya (DPP).

"Kita telah mengambil keterangan sembilan individu bagi membantu siasatan kes ini dan kita akan tunggu arahan lanjut daripada DPP selepas hantar kertas siasatan," katanya ketika dihubungi *MalaysiaGazette* hari ini.

Media pada Ahad lalu melaporkan, seorang lelaki ditahan di Kuala Lumpur bagi membantu siasatan berhubung mengintip menerusi kamera yang disembunyikan di dalam bekas pewangi dalam bilik air sebuah inap desa di sini.

Difahamkan, lelaki itu merupakan rakan kepada wanita yang membuat laporan polis tersebut dan dipercayai dia turut menginap di inap desa yang sama bersama beberapa lagi rakan mereka pada 5 hingga 6 Februari lalu.

Polis juga telah mendapat perintah reman ke atas lelaki itu selama empat hari dan kes disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan kerana mengaibkan kehormatan seseorang. – *MalaysiaGazette*



## Kanak-kanak keluar kepala menerusi 'sunroof', polis panggil pemilik kereta

Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil  
harisfadli@hmetro.com.my



POLIS sedang mengesan penjaga dua kanak-kanak tular mengeluarkan kepala dari sebuah kereta yang sedang bergerak di Putra Height, Subang Jaya. FOTO Ihsan PDRM

Subang Jaya: Polis akan memanggil pemilik kenderaan yang cuai dengan membenarkan dua kanak-kanak mengeluarkan kepala menerusi bumbung kaca atau sunroof sebuah kenderaan yang sedang bergerak dipercayai di Persiaran Putra Perdana, Putra Height di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, pihaknya menerima laporan berhubung video tular berdurasi 29 saat itu semalam.

"Kejadian disyaki berlaku kelmarin jam 3.23 petang berdasarkan maklumat pada rakaman kamera papan pemuka (yang tular).

"Pengadu yang juga Penolong Ketua Balai Polis Putra Height membuat laporan selepas terlihat video itu dimuat naik menerusi platform X," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, kejadian itu dirakam oleh kamera papan pemuka kereta lain yang berada di belakang kenderaan terbabit semasa kejadian.

Katanya, semakan nombor pendaftaran mendapati kenderaan itu dimiliki seorang warga tempatan beralamat di sekitar kawasan Putra Height, di sini.

"Suspek akan dipanggil untuk dirakam keterangan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1) (A) Akta Kanak-Kanak 2001 (kecuai terhadap kanak-kanak).

"Jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak lebih 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda tidak lebih RM50,000 atau keduanya sekali," katanya.

Sebarang maklumat berkaitan boleh disalurkan ke Pusat Kawalan Daerah Subang Jaya di talian 0378627100 bagi membantu siasatan.



## Remaja rogol teman wanita bawah tangga diperintah ke Sekolah Hendry Gurney

👤 LYDIA AMAN 📅 2 jam lepas 🕒 2 jam lepas

**KUCHING:** Seorang remaja lelaki diperintahkan ke Sekolah Hendry Gurney sehingga berusia 21 tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, kerana merogol teman wanitanya yang berusia 12 tahun, Disember tahun lalu.

Terdahulu, remaja berusia 19 tahun itu membuat pengakuan bersalah sebaik sahaja satu pertuduhan di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan dibacakan di hadapan Hakim Afidah Abdul Rahman.

Afidah memerintahkan tertuduh dihantar ke Sekolah Hendry Gurney selepas pendengaran laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat hari ini.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun 11 bulan dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan.

Menurut fakta kes, pengadu merupakan nenek mangsa diberitahu dia bahawa telah melakukan hubungan seks bersama teman lelakinya di bawah tangga di sebuah rumah flat, kira-kira jam 2.30 pagi, 10 Disember 2023.

Mangsa kemudian dihantar ke hospital untuk pemeriksaan dan pakar obstetrik dan ginekologi yang mengesahkan terdapat koyakan selaput pada kemaluan mangsa.

Laporan polis dibuat oleh pengadu untuk tindakan dan siasatan lanjut seterusnya membawa kepada penangkapan tertuduh.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Iezzah Iburdanisha Ibrahim manakala tertuduh tidak diwakili peguam.